

TARIKH	24 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6-31	RUANGAN	NEWS

Raja Nazrin sempurnakan majlis serahan zakat tanaman, perniagaan

IPOH 23 Mei - Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah hari ini berkenan menyempurnakan majlis penyerahan cek zakat tanaman dan perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2011 dan 2012 di Kompleks Islam Darul Ridzuan di sini hari ini.

Pada majlis itu, Raja Nazrin menerima zakat tanaman dan perniagaan berjumlah RM7.5 juta daripada lima organisasi termasuk beberapa bank di negara ini.

Baginda kemudiannya mengurniakan cek berkenaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Is-

lam dan Adat Melayu Perak, Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan.

Lima organisasi tersebut ialah Lembaga Tabung Haji (RM2,923,240.01), Bank Kerjasama Rakyat (RM2,068,225), Felcra Berhad (RM1,604,012.87), Pertubuhan Peladang Negeri Perak (RM623,776) dan Bank Islam Malaysia Berhad (RM270,000).

Lembaga Tabung Haji diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Paduka Ismee Ismail sementara Bank Kerjasama Rakyat dan Felcra Berhad masing-masing diwakili oleh Penge-

rusinya, Tan Sri Sabaruddin Chik dan Pengurus Besar Kumpulan Kewangannya, Datuk Ramlee Abu Bakar.

Sementara itu, Pertubuhan Peladang Negeri Perak diwakili oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarahnya, Mohd. Zaki Din dan Bank Islam Malaysia Berhad pula diwakili oleh Pengerusinya, Datuk Zamani Abdul Ghani.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir dan Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria.



RAJA Dr. Nazrin Shah berkenan menerima cek daripada Ismee Ismail berjumlah RM2,923,240.01 pada majlis Penyerahan Cek Zakat Tanaman dan Perniagaan di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh, semalam.